



SARJAN Mejar Ab. Malek Ramin (dua kiri) bersama Asisten Supritendan Lee Kim Li memeriksa barisan anggota Suksis.



SARJAN Mejar Ab. Malek Ramin (berdiri tiga dari kiri) ketika bertugas sebagai anggota polis hutan.

Ab. Malek saksi empat rakan ditembak komunis

Beliau mendapat ujian berat dari Allah SWT apabila Norhayati yang dikahwininya sejak 1983 disahkan mengidap penyakit barah dan strok

Oleh **NORAZRIN MARZUKI**

Gambar MUHAMAD IQBAL ROSLI

PERTAMA kali melangkah ke pejabat Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan bertemu calon Gaya Polis minggu ini, Sarjan Mejar Ab. Malek Ramin, penulis sudah menjangkakan beliau seorang yang penyayang dan mengambil berat.

Telahan itu terbukti apabila ketika berbicara Ab. Malek, 57, mengakui pernah menolak tawaran kenaikan pangkat sebagai Sub-Inspektor dua tahun lalu hanya kerana tidak mahu meninggalkan isterinya, Norhayati Ibrahim, 55, dan anaknya, Mohd. Anuar, 14.

Ia lantaran wanita itu yang mengidap penyakit barah dan strok.

Menurutnya, beliau mendapat ujian berat dari Allah SWT apabila Norhayati yang dikahwininya sejak 1983 disahkan mengidap kedua-dua penyakit itu.

“Isteri saya disahkan menghidap penyakit barah dan beberapa tahun kebelakangan ini pula dia didiagnosis mempunyai penyakit strok pula.

“Keadaan ini memaksa saya membuat tugas bukan sahaja sebagai suami malah menjalankan tanggungjawab yang lebih untuk menjaga segala keperluan isteri dan anak kami,” katanya baru-baru ini.

Bimbang sesuatu yang tidak diingini berlaku semasa ketiadaannya yang mungkin terpaksa ditugaskan di luar kawasan jauh dari isteri dan anak yang kini menetap di ibu negara, beliau terpaksa menolak tawaran kenaikan pangkat sebagai Sub Inspektor.

“Tanggungjawab polis sangat besar kerana masyarakat meletakkan sepenuhnya peranan di bahu kami untuk menjaga keselamatan dan keamanan.

“Saya terpaksa mengisi borang menolak tawaran tersebut. Bukan kerana tidak mahu memikul tugas yang diberi PDRM tetapi bayangkan jika saya dihantar

ke cawangan lain jauh dari Kuala Lumpur.

“Ada ketikanya, saya terpaksa ulang-alik menghantar isteri saya ke hospital, jadi apa pula kata orang nanti jika saya kerap mengambil cuti untuk menguruskan hal tersebut,” katanya lagi.

Tambahnya, atas rasa kasih dan sayang serta tanggungjawab terhadap Norhayati,

**SARJAN MEJAR
AB. MALEK RAMIN**





Profil Perkhidmatan

- November 1975 - April 1976 - Pusat Latihan Polis (Pulapol), Kuala Lumpur.
- April 1976 - Ogos 1976 - Polis Hutan (kini Pasukan Gerakan Am).
- Ogos 1976 - Januari 1986 - diserap ke kem Batalion 3.
- 1986 - 1996 - Unit Kereta Peronda di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh.
- 1996 - 2006 - Penolong Pegawai Penyiasat di IPD Ipoh.
- 2006 - 2009 - Ketua Polis Balai Kampung Sini, Ipoh.
- 2009 - sekarang - Ketua Jurulatih KOR Suksis UPM.
- KELUARGA
- Isteri- Norhayati Ibrahim, 55
Anak - Mohd. Anuar Ab. Malek, 14



SARJAN Mejar Ab. Malek Ramin (berdiri, kiri) bergambar ketika sesi latihan menembak sewaktu bertugas sebagai anggota polis hutan.

beliau mengemukakan borang tunjuk sebab menolak kenaikan tawaran kenaikan pangkat ke Bukit Aman. Malah, sehingga kini beliau lebih selesa berkhidmat sebagai Ketua Jurulatih Suksis sejak 2009.

Mengimbas kembali pengalaman pahit manis ketika mula bergelar petugas badan beruniform, Ab. Malek memulakan latihan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) pada 1975 di usia 19 tahun.

“Saya kemudian diserap menyertai pasukan polis hutan kira-kira lima bulan selepas latihan dan ditempatkan di kem Ulu Kinta, Perak,” katanya lagi.



SARJAN Mejar Ab. Malek Ramin (dua kanan) sedang membetulkan pakaian seorang anggota sambil diperhatikan oleh Asisten Supritendan Lee Kim Li.

Bertempur dengan komunis

MENURUT Ab. Malek, ketika bertugas sebagai polis hutan (kini Pasukan Gerakan Am) pada 1976, negara menerima banyak ancaman komunis terutama di kawasan utara dan sempadan tanah air.

“Waktu itu adalah sangat mencabar dan tugas berat kepada kami warga platun yang rata-rata masih muda dan mentah tambahan lagi ditugaskan di dalam hutan ketika komunis bermaharajalela.

“Negara juga pada ketika itu terpaksa mendapatkan bantuan daripada polis Thailand untuk mengawal kawasan sempadan,” katanya.

Ketika ditanya pengalaman beliau bertempur dengan komunis, beliau terkedu dan diam seketika, mungkin cuba mengingatkan peristiwa dan sejarah hitam ketika perang gerila itu.

“Bertugas sebagai polis hutan ketika perang gerila bukannya mudah kerana kita perlu sentiasa peka dan berjaga-jaga bukan sahaja serangan yang kerap dilakukan musuh malah, jerangkap samar yang dipasang oleh mereka untuk menghalang kami dari memasuki zon mereka,” katanya.

Memulakan cerita mengenai pengalamannya bertempur dengan penganas komunis, beliau berkata, ia berlaku ketika ditugaskan membuat pemeriksaan di dalam hutan di Ulu Kinta.

“Pada satu hari, saya dan rakan-rakan platun yang lain diarahkan membuat pemeriksaan di dalam hutan untuk menghalang kemaraan komunis dengan berbekalkan senjata senapang jenis SLR semi-auto.

“Ketika kami mengambil posisi masing-masing untuk melakukan serang hendap, tiba-tiba kami dikejutkan dengan bunyi tembakan senapang yang bertali arus tanpa henti seolah-olah perang berlaku.

“Tidak syak lagi, pertempuran dengan komunis sudah bermula dan saya lantas berkejar ke lokasi tersebut sebelum mendapati empat rakan saya telah pun rebah,” katanya.

Dalam nada sedih beliau berkata, insiden tembak menembak itu telah mengorbankan seorang jurulatih atau ketua serta tiga anggota platun.

Kenangan pahit itu telah banyak mengajar beliau erti pengorbanan.

Selepas banyak menghabiskan usia mudanya di dalam hutan, Ab. Malek mengakhiri tugasnya sebagai polis hutan pada 1986 dan menyambung perkhidmatannya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh selama 10 tahun.